

Perjanjian lebih jelas dengan pelajar, pensyarah

BH 18 JUL 2001
Oleh Norazmi Abdul Talib dan Rahman Hashim

MELAKA, Selasa – Kerajaan akan merangka perjanjian yang lebih jelas dengan pelajar dan pensyarah universiti bagi memastikan kesungguhan masing-masing dalam memperoleh dan memberi ilmu agar tidak membazirkan wang rakyat.

Perjanjian itu, antara lain membolehkan kerajaan menentukan berapa kerap seseorang pelajar menghadiri syarahan dan menilai tahap prestasi yang boleh diterima dalam peperiksaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelajar yang gagal mematuhi syarat akademik, tidak berdisiplin dan gagal menumpukan perhatian kepada pelajaran, akan disingkirkan dari universiti.

Beliau menegaskan, tindakan yang sama juga akan diambil terhadap mana-mana pensyarah universiti yang menyalahgunakan kedudukan mereka dengan menyebarkan fahaman politik pembangkang.

"Kita dapati untuk mengambil tindakan disiplin adalah sangat sukar kerana syarat pengambilan mereka tidak begitu jelas.

"Oleh itu, kita akan mengadakan perjanjian yang sewajarnya dengan mereka dan kita sedang merangka perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) di Batu Hampar, Bukit Baru hari ini.

Dr Mahathir berkata, kebiasaannya kerajaan tidak dapat bertindak terhadap pelajar dan pensyarah yang tidak menunjukkan prestasi sebagaimana seharusnya.

Walaupun kerajaan membelanjakan bilion ringgit untuk bidang pendidikan, se-

RM60,000 belanja seorang pelajar perubatan

DARI MUKA 1

bahagiannya dibazirkan, 'terutama oleh pelajar Melayu yang nampaknya tidak sekali-kali berminat untuk belajar'.

Beliau memberikan contoh, kerajaan terpaksa membiayai RM60,000 untuk seorang pelajar perubatan sedangkan jumlah itu boleh digunakan membayar gaji pegawai tinggi kerajaan sebanyak RM5,000 sebulan.

"Saya akui sesetengah mereka serius tetapi banyak daripada mereka yang tidak serius. Tidak ada sebab untuk mereka berada di universiti jika mereka hanya membazirkan masa dan wang.

"Satu perjanjian akan dibuat dengan pelajar bagi membolehkan mereka disingkirkan dari universiti jika gagal memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan.

"Kerajaan tidak mahu pelajar Melayu membuang masa di universiti dan jika ini berlaku, tiada sebab kerajaan perlu kekalkan mereka di situ," katanya.

Perdana Menteri turut menegur sesetengah pensyarah yang tidak begitu berminat mengajar tetapi lebih menumpukan usaha kepada penyebaran pendapat politik mereka.

"Kita tidak mampu membayar kepada mereka semata-mata untuk mereka menyebarkan pendapat politik (antikerajaan) mereka," katanya sambil menambah, kerajaan terpaksa bertindak tegas kerana ia begitu serius dalam pendidikan.

"Sudah tentu tindakan ini tidak digemari pihak terabit, sekali gus menjadikan kerajaan tidak popular.

"Bagaimanapun, sama ada pelajar dan pensyarah universiti bersetuju atau tidak langkah ini, tindakan tegas terpaksa diambil bagi memastikan universiti tidak disalahgunakan pihak tertentu," katanya.

LIHAT MUKA 2